



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 2/2023**

**PENETAPAN KAEDAH PEMBERIAN DISKAUN PREMIUM BAGI
PEMBANGUNAN TANAH**

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penetapan kaedah pemberian diskaun bagi **pembangunan tanah**.

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 11 Januari 2023 telah mengambil keputusan bersetuju insentif diskaun bayaran premium pembangunan tanah dilanjutkan bermula **1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023**.

3. Pelaksanaan

- 3.1. Pemberian diskaun ini hanya untuk **pembangunan tanah** sahaja.
- 3.2. Diberikan diskaun premium **pembangunan tanah** sebanyak **25%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh **30 hari** dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah.
- 3.3. Diberikan diskaun premium **pembangunan tanah** sebanyak **15%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh **60 hari** dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah.

- 3.4. Bayaran ini perlulah dibuat dalam tempoh keistimewaan yang dinyatakan dan diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah atau Timbalan Pentadbir Tanah Daerah. Bayaran secara *postdated cheque* yang melangkaui tempoh keistimewaan ini adalah tidak sah dan tidak layak menikmati keistimewaan ini;
- 3.5. Pemberian diskaun premium pembangunan tanah **tidak terpakai** kepada:
- a) pemohon yang telah diluluskan rayuan pengurangan premium oleh MMKNS dalam permohonan yang terdahulu bagi projek / fail yang sama; dan
 - b) Pemohon yang telah dikenakan bayaran premium secara nominal.
- 3.6. Pemohon yang **gagal membuat bayaran dalam tempoh setahun** dari tarikh menerima Notis 5A atau Notis 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah, Pentadbir Tanah Daerah diminta untuk mendapatkan nilai semula **kadar premium yang baharu** daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Sembilan.

4. Tarikh Kuatkuasa

- 4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.


(**AMINO AGOS BIN SUYUB**)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 25 Januari 2023

Rujukan : Bil (29) dlm. PTGNS.10/17 klt.4